

## **KENYATAAN MEDIA**

### **SAKIT HATI DIKELILINGI SAMPAH HARAM; UTUSAN MALAYSIA 1 OGOS 2013.**

Dimaklumkan bahawa, Bahagian Perkhidmatan Bandar, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah melakukan pemeriksaan di seluruh kawasan tersebut Jalan PJU 10/10G, Saujana Damansara dan mendapati masalah longgokan sampah pukal seperti perabot, longgokan kelapa, sampah bercampur yang dilonggokkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di kawasan tersebut.

Pihak Majlis juga mendapati jalan di kawasan tersebut terhalang akibat daripada sampah pukal yang berlebihan dan sampah domestik juga penuh pada setiap tong sampah hingga melimpah jatuh dari tong yang disediakan.

Pihak Majlis telah pun menjalankan kerja-kerja di kawasan tersebut yang seperti membersihkan longgokan sampah yang terletak di kawasan PJU 10/10G dan operasi bersepadu yang merangkumi kerja-kerja pembersihan, kutipan domestik dan kutipan sampah pukal ini mengambil masa selama 2 hari untuk diselesaikan.

Dalam operasi ini sebanyak 4 buah lori RORO milik Majlis dan 2 buah lori Back Hoe telah digunakan bagi mengangkat dan membersihkan sampah-sampah haram yang terdapat di kawasan tersebut. Di samping itu, sebuah lori tanker turut digunakan bagi menjalankan kerja cucian longkang serta sebuah lori RORO dan sebuah kompaktor milik kontraktor juga turut digunakan bagi kerja-kerja pembersihan ini.

Bagi kerja pembersihan, potongan rumput, sapuan jalan dan cucian longkang, kerja-kerja ini telah dilakukan oleh kontraktor kawasan iaitu Syarikat AS BINA Enterprise dan seramai 20 orang pekerja kontraktor telah diarahkan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan di seluruh kawasan komersial di Damansara Damai.

Bagi kerja pembersihan kebuk sampah pula, MBPJ telah mengarahkan Syarikat Bayumas menjalankan kutipan sampah pukal dan sampah haram yang terdapat di kawasan itu. Manakala Syarikat Rathkom pula telah diarahkan untuk membuat kerja kutipan sampah di kawasan kebuk sampah di seluruh Damansara Damai.

Orang ramai adalah dinasihatkan agar membuang sampah dengan cara yang betul bagi mengelakkan masalah yang sama berulang. Di samping itu, pihak Majlis juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap individu yang membuang sampah dengan sewenang-wenangnya.

Sebarang pertanyaan dan aduan, orang ramai boleh menghubungi atau ke Bahagian Kawal Selia, Jabatan Kesihatan Persekitaran, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 10, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, Selangor di talian 03 7955 2381 atau talian Hotline Majlis 03 7954 2020. Orang ramai juga boleh melayari laman web Majlis [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) ataupun aduan@mbpj.gov.my.

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/208, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**